

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 OKTOBER 2025

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA : 23

SURAT

JS-SEZ bantu kukuh ekonomi negara: IIB

JS-SEZ bantu kukuh ekonomi negara: IIB

Kuala Lumpur: Iskandar Investment Bhd (IIB) mengesahkan komitmennya untuk menyokong sepenuhnya Belanjawan 2026 menerusi strategi yang memanfaatkan pertumbuhan ekonomi serantau, mengukuhkan ekosistem bakat, dan mengembangkan inisiatif hijau dan inovasi digital.

Dalam satu kenyataan, IIB berkata tumpuan kerajaan membangunkan kawasan Johor menerusi Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) merupakan langkah strategik dan tepat pada masanya, sekali gus meletakkan rantau itu sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Katanya, pelaksanaan Pusat Memudahkan Pelaburan Malaysia-Johor (IM-FC-J) dan Johor Super Lane (JSL) dijangka mempercepatkan kelulusan pelaburan, meningkatkan kecekapan tadbir urus, dan menyelaraskan kemudahan diperlukan pelabur, seiring dengan matlamat menjadikan Johor sebagai pintu masuk pelaburan antarabangsa Malaysia yang dinamik.

IIB berkata JS-SEZ mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM37.1 bilion pada separuh pertama 2025, iaitu mewakili 66 peratus daripada jumlah pelaburan Johor.

"Ia mencerminkan keyakinan kukuh pelabur terhadap potensi ekonomi rantau ini, dan Johor muncul sebagai negeri dengan pelaburan langsung asing (FDI) yang diluluskan tertinggi di Malaysia bagi tempoh yang sama, berjumlah RM25.5 bilion, iaitu menyumbang lebih satu per tiga daripada jumlah

FDI negara pada separuh pertama 2025.

"Pencapaian ini mengukuhkan kedudukan Johor sebagai hab pelaburan strategik, didorong oleh dasar mesra pelabur, serta kerjasama rapat antara kerajaan persekutuan dan negeri," katanya.

Menurut IIB, ia akan terus memainkan peranan aktif dalam menyokong pelaksanaan projek berimpak tinggi di bawah JS-SEZ, memastikan bahawa manfaat ekonomi diagihkan secara inklusif kepada rakyat dan masyarakat di sekitarnya.

Pemaju induk Iskandar Puteri itu turut mengalu-alukan peruntukan Khazanah Nasional Bhd sebanyak RM200 juta untuk melaksanakan Program K-Youth.

Program itu akan menyediakan latihan berasaskan kerja kepada 11,000 belia bukan ijazah dalam sektor strategik, seperti sektor semikonduktor, teknologi digital, kejuruteraan, dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO).

Dalam pada itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IIB Datuk Idzham Mohd Hashim berkata Belanjawan 2026 mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan daya saing ekonomi negara menerusi pendekatan yang seimbang antara pembangunan fizikal dan pertumbuhan modal insan.

"Kami percaya sinergi pelaburan strategik, pembangunan bakat, dan pemeraksanaan teknologi hijau akan mempercepatkan kemajuan Johor sebagai hab ekonomi serantau yang berdaya tahan, mampan dan berdaya saing," katanya.